



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESAN PENGGUNAAN BAHAN RANGSANGAN  
TERHADAP PRESTASI PENULISAN KARANGAN  
PELAJAR PERINGKAT MENENGAH RENDAH**

**NADZERI BIN HAJI ISA**

**FPP 2001 4**

**KESAN PENGGUNAAN BAHAN RANGSANGAN  
TERHADAP PRESTASI PENULISAN KARANGAN  
PELAJAR PERINGKAT MENENGAH RENDAH**

**Oleh**

**NADZERI BIN HAJI ISA**

**Tesis ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan untuk  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**Jun 2001**



## DEDIKASI

Hj. Isa Md. Daham (Allahyarham)

Hjh. Rathiah Salleh

Norhayati Shaarani

Syamsul Farizz

Syahrul Hamim

Syaidatul Ehya Ayunee

Syamsidar Azwa Ilani

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KESAN PENGGUNAAN BAHAN RANGSANGAN  
TERHADAP PRESTASI PENULISAN KARANGAN  
PELAJAR MENENGAH RENDAH**

Oleh

**NADZERI BIN HAJI ISA**

**Jun 2001**

**Penyelia : Profesor Madya Dr. Hajah Kamariah bt. Haji Abu Bakar**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan bahan-bahan rangsangan terhadap prestasi penulisan karangan pelajar peringkat menengah rendah. Selain itu, kajian ini juga akan membandingkan prestasi penulisan karangan antara pelajar pencapaian sederhana dengan pencapaian rendah, yang dikaitkan dengan penggunaan bahan rangsangan dalam pengajaran mereka. Untuk tujuan tersebut, dua kaedah pengajaran penulisan karangan telah dijalankan kepada kumpulan sampel, iaitu kaedah pengajaran karangan menggunakan bahan rangsangan untuk kumpulan eksperimen, dan pengajaran kaedah tradisional untuk kumpulan kawalan.

Setelah menamatkan sesi pengajaran, kedua-dua kumpulan sampel telah diberi ujian penulisan karangan, dan markah yang diperolehi daripada ujian tersebut dijadikan data mentah dalam kajian ini. Data kajian telah dianalisis dengan statistik deskriptif (min, frekuensi, dan peratusan) dan statistik inferensi (Ujian  $t$  Bebas, dan Faktorial Mudah).

Dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran karangan menggunakan bahan rangsangan memberi kesan yang positif terhadap prestasi penulisan karangan pelajar. Dalam aspek penulisan karangan keseluruhan, pelajar kumpulan eksperimen memperoleh min 51.02, dan pelajar kumpulan kawalan memperoleh min 40.95, dengan nilai  $t(78) = 6.25$ ,  $p < .05$ . Dalam aspek pengembangan isi karangan, terdapat kesignifikanan yang tinggi, iaitu apabila min kumpulan eksperimen 45.27 dan kumpulan kawalan mendapat min 39.02 dengan nilai  $t(78) = 4.13$ ,  $p < .05$ .

Di kalangan pelajar pencapaian sederhana, penggunaan bahan rangsangan telah menghasilkan prestasi penulisan karangan yang lebih baik. Dalam aspek karangan keseluruhan, pelajar pencapaian sederhana kumpulan eksperimen telah mencatatkan min 51.05, iaitu lebih tinggi daripada min yang dicatatkan oleh pelajar pencapaian sederhana kumpulan kawalan, iaitu 42.20, dengan nilai  $t(38) = 3.47$ ,  $p < .05$ .

Bagi pelajar pencapaian rendah pula, penggunaan bahan-bahan rangsangan ternyata telah dapat meningkatkan prestasi mereka dalam penulisan karangan, khususnya dalam aspek penulisan karangan keseluruhan. Pelajar pencapaian rendah kumpulan eksperimen mendapat min 51.75, iaitu 12.8 lebih tinggi daripada min pelajar pencapaian yang sama daripada kumpulan kawalan (Min = 38.95). Perbandingan min menunjukkan paras signifikan dengan nilai  $t(38) = 7.30, p < .05$ .

Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat interaksi antara kaedah pengajaran dengan tahap pencapaian pelajar dalam aspek penulisan karangan keseluruhan. Hasil analisis varians dua hala menunjukkan wujudnya kesan interaksi tersebut pada nilai  $F(1,76) = 0.57, p = 0.45$ . Ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran karangan menggunakan bahan rangsangan telah mempengaruhi peningkatan prestasi karangan pelajar tersebut.

Berdasarkan dapatan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa penggunaan bahan-bahan rangsangan dalam pengajaran karangan telah memberi kesan yang positif terhadap prestasi penulisan karangan pelajar menengah rendah.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia  
in fulfilment of the requirement for the degree of Masters of Science

**THE EFFECT OF STIMULUS MATERIALS IN WRITING COMPOSITION  
AMONG LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS**

**By**

**NADZERI BIN HAJI ISA**

**Jun 2001**

**Supervisor : Associate Professor Dr. Hajah Kamariah bt. Haji Abu Bakar**

**Faculty : Educational Studies**

This study was undertaken to identify the effects of using stimulus materials in composition writing among lower secondary school pupils. It was also intended to compare the performance of average and low achievers in composition writing using stimulus materials. Two approaches were adopted; namely : the use of stimulus materials in composition writing approach and the traditional approach.

The sample was divided into two groups, namely, experimental group and the controlled group. The experimental group was exposed to writing composition using stimulus materials, while the controlled group was exposed to the traditional approach. After completing the sessions, the samples were given a writing (composition) test. The marks obtained from this test was taken as raw



score for the purpose of this study. The data were analysed using descriptive statistics ( mean, frequency, percentage ) and statistical inference ( *t*- test and simple factorial ).

The findings in this study indicated that the use of stimulus in composition writing had a positive effect on the composition writing performance among pupils. In the aspects of writing on the whole, pupils in the experimental group obtained a mean of 51.02, and the controlled group obtained a mean of 40.95 at  $t(78) = 6.25, p < .05$ , while in the aspects of content development, this group had achieved a significantly high performance where the mean of the group shows 45.27, while the controlled group managed to secure a mean of 39.03, at  $t(78)=4.13, p < .05$ .

Among the average achievers, the use of stimulus materials in teaching writing had indicated a marked improvement in their writing. In the aspects of writing on the whole, the average achievers in the experimental group had recorded a mean of 51.05, as compared to that of the average achievers in the controlled group, where the mean was 42.20, while the value of  $t(38) = 3.47, p < 0.5$ .

Among the low achievers group, the use of stimulus materials had certainly indicated a tremendous improvement in their performance in composition writing, particularly in the aspects of writing on the whole. Low achievers in the



experimental group had obtained a mean of 51.75, an increase of 12.8 of the mean when compared to that of the controlled group. Comparison in the mean had indicated a significant increase in the value of  $t(38) = 7.30, p < 0.5$ .

The findings also indicated that there was an effect in the interaction between the approach adopted and the pupils' performance as far as the aspects of writing on the whole was concerned. The two-way analysis-of-variants (ANOVA) had indicated that this effect in interaction was at value  $F(1, 76) = 0.57, p < 0.5$ .

Based on the above findings, it could be concluded that the approach using stimulus materials in teaching composition or more specifically the stimulus materials themselves had provided positive effects on the composition writing performance among pupils in lower secondary schools.



## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya maka saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sepenuhnya. Seterusnya penghargaan ini ditujukan kepada Prof.Madya Dr. Hajah Kamariah bt. Abu Bakar, Dr. Rohani bt. Ahmad Termizi dan En. Yahya b. Othman yang telah menyelia dan menunjuk ajar dari mula hingga tesis ini berjaya di siapkan. Tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan itu akan kekal menjadi ingatan, semoga Allah s.w.t. akan membalas segala budi dan jasa yang tuan/puan curahkan.

Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua dan Penyelia Petang Sek. Men. Keb. Damansara Jaya yang telah memberi kebenaran kepada saya menggunakan pelajar Tingkatan Dua sekolah ini sebagai sampel kajian. Kepada guru-guru, khususnya guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah ini, saya tetap tidak melupakan kerjasama dan pertolongan anda yang telah memudahkan saya menjalankan pengajaran dan ujian berhubung dengan kajian ini.

Seterusnya, penghargaan ini dutujukan kepada En. Abdullah b. Yahya dan Puan Norhayati bt. Shaarani yang telah sudi menjadi pemeriksa pertama dan kedua, dan seterusnya membolehkan saya

mendapat data yang diperlukan. Tanpa bantuan dan prihatin tuan/puan sudah tentu tesis ini tidak dapat disiapkan dengan segera.

Akhir sekali saya tidak lupa kepada ibu, bapa, isteri, anak-anak dan seluruh kaum keluarga yang tetap memberikan dorongan dan semangat untuk saya terus belajar serta menyiapkan tesis ini. Saya tetap sedar bahawa setiap kejayaan semestinya bermula daripada perjuangan, dan perjuangan itu akan jadi manis serta bermakna jika semua pihak yang terlibat sanggup berkorban.

Tiada kata secantik bahasa,

Tiada gambar secantik lukisan.

Sekian, wasallam.

NADZERI BIN HAJI ISA

Tarikh: JUN 2001



## DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
LEMBARAN PENGESAHAN	xi
PERNYATAAN KEASLIAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	7
Teori Pembelajaran Kognitif	11
Pernyataan Masalah	16
Objektif Kajian	21
Hipotesis	22
Kepentingan Kajian	24
Batasan Kajian	26
Definisi Operasional	28
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	<b>33</b>
Model-Model Teoritis Pengajaran	
Kemahiran Menulis (Karangan)	33
Teori Gestaltis	34
Teori Piaget	37
Teori Gagne	39
Teori Chomsky	40
Peranan Bahan-Bahan Rangsangan	
Dalam Pengajaran Kemahiran Menulis (Karangan)	43
Kajian Berkaitan Kaedah Pengajaran Karangan	63
<b>III METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	<b>72</b>
Kerangka Teoritis Kajian	72
Kerangka Konseptual Kajian	74
Reka Bentuk Kajian	77
Tempat Kajian	81
Populasi dan Persampelan	82
Pemboleh Ubah Kajian	87
Pemboleh Ubah Bebas	87



	Pemboleh Ubah Bersandar	88
	Rawatan/Olahan (Treatment)	88
	Instrumentasi	99
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	102
	Proses Pengumpulan Data	109
	Penganalisan Data	109
IV	DAPATAN	111
	Pengenalan	111
	Dapatan	112
	Hipotesis 1	112
	Hipotesis 2	115
	Hipotesis 3	119
	Hipotesis 4	122
	Hipotesis 5	125
	Hipotesis 6	129
	Hipotesis 7	132
	Hipotesis 8	135
	Hipotesis 9	139
	Hipotesis 10	143
V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	147
	Pengenalan	147
	Perbincangan	147
	Kesan Bahan Rangsangan Terhadap Prestasi	
	Penulisan Karangan Keseluruhan	148
	Kesan Bahan Rangsangan	
	Terhadap Pengembangan Isi Karangan	152
	Kesan Penggunaan Bahan Rangsangan	
	Terhadap Penguasaan Tatabahasa	
	Dalam Karangan	156
	Kaitan Antara Bahan Rangsangan	
	Dengan Tahap Pencapaian Pelajar	159
	Rumusan	160
	Cadangan	165
	Cadangan Aspek Pedagogi Bahasa	166
	Cadangan Aspek Kurikulum Bahasa	168
	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	170
	BIBLIOGRAFI	172
	LAMPIRAN	
A	Bahan Rangsangan: Carta	181
B	Bahan Rangsangan: Gambar	182
C	Bahan Rangsangan: Petikan	183

D1	Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan	184
D2	Surat Kebenaran Sekolah	185
E1	Pengesahan Pemeriksa Pertama	186
E2	Pengesahan Pemeriksa Kedua	187
F1	Markah Karangan Keseluruhan KE dan KK	188
F2	Markah Karangan Keseluruhan KE1 dan KK1	189
F3	Markah Karangan Keseluruhan KE2 dan KK2	190
F4	Markah Pengembangan Isi Karangan KE dan KK	191
F5	Markah Pengembangan Isi Karangan KE1 dan KK1	192
F6	Markah Pengembangan Isi Karangan KE2 dan KK2	193
F7	Markah Karangan Keseluruhan Pel.Sederhana dan Rendah	194
F8	Markah Pengembangan Isi Karangan Pel.Sederhana dan Rendah	195
G1	Analisis Kesalahan Tatabahasa KE	196
G2	Analisis Kesalahan Tatabahasa KK	199
	<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>202</b>



## SENARAI JADUAL

	Jadual	m.s
1	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Ujian Pasca	78
2	Taburan Jumlah Sampel Mengikut Kumpulan	86
3	Sesi Pengajaran Menggunakan Bahan Rangsangan	90
4	Kerangka Rancangan Pengajaran Karangan Menggunakan Bahan-Bahan Rangsangan	92
5	Sesi Pengajaran Karangan Kaedah Tradisional	96
6	Kerangka Rancangan Pengajaran Karangan Kaedah Tradisional	97
7	Peraturan Pemarkahan Karangan Keseluruhan	103
8	Peraturan Pemarkahan Karangan Aspek Pengembangan Isi	105
9	Cadangan Isi Karangan	107
10	Taburan Markah Aspek Karangan Keseluruhan (KE dan KK)	112
11	Analisis Perbandingan Min Prestasi Karangan Keseluruhan Antara KE dengan KK	114
12	Taburan Markah Aspek Karangan Keseluruhan (KE1 dan KK1)	116
13	Analisis Perbandingan Min Prestasi Penulisan Karangan Keseluruhan KE1 dengan KK1	118
14	Taburan Markah Aspek Karangan Keseluruhan Pelajar Pencapaian Rendah (KE2 dan KK2)	119

15	Analisis Perbandingan Min Prestasi Karangan Keseluruhan KE2 dengan KK2	121
16	Taburan Markah Aspek Karangan Keseluruhan Kumpulan Eksperimen (KE1 dan KE2)	123
17	Analisis Perbandingan Min Prestasi Karangan Keseluruhan KE1 dengan KE2	124
18	Taburan Markah Aspek Pengembangan Isi KE dan KK	126
19	Analisis Perbandingan Min Prestasi Pengembangan Isi Karangan KE dengan KK	128
20	Taburan Markah Pengembangan Isi Karangan Pelajar Pencapaian Sederhana (KE1 dan KK1)	129
21	Analisis Perbandingan Min Prestasi Pengembangan Isi Karangan KE1 dengan KK1	131
22	Taburan Markah Aspek Pengembangan Isi Pelajar Pencapaian Rendah (KE2 dan KK2)	133
23	Analisis Perbandingan Min Prestasi Pengembangan Isi Karangan KE2 dengan KK2	134
24	Rumusan Analisis Varian Dua Hala Prestasi Karangan Keseluruhan	136
25	Analisis Perbandingan Min Prestasi Karangan Keseluruhan Kaedah Pengajaran dengan Tahap Pencapaian	137
26	Analisis Kesalahan Tatabahasa Aspek Morfologi KE dengan KK	140
27	Analisis Perbandingan Min Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Aspek Morfologi KE dengan KK	142
28	Analisis Kesalahan Tatabahasa Aspek Sintaksis KE dengan KK	143
29	Analisis Perbandingan Min Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Aspek Sintaksis KE dengan KK	145





## SENARAI RAJAH

Rajah		m.s
1	Model Pemprosesan Maklumat Fogiel dan Tennyson	14
2	Model Lindgren: Peranan Rangsangan Dalam Tingkah Laku Manusia	44
3	Kerangka Konseptual Kajian	75
4	Kesan Interaksi Antara Kaedah Pengajaran dengan Tahap Pencapaian Pelajar	138

## SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BR	Bahan Rangsangan
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KE	Kumpulan Eksperimen
KK	Kumpulan Kawalan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TR	Tradisional
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

**BAB I**  
**PENDAHULUAN**  
**Pengenalan**

Kemahiran menulis ialah kemahiran paling tinggi dalam senarai kemahiran berbahasa. Antara empat kemahiran berbahasa; iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis, kemahiran menulis akan dikuasai oleh seseorang setelah terlebih dahulu mereka menguasai tiga kemahiran bahasa yang asas itu. Ini bermakna kemahiran ini tidak boleh dianggap mudah oleh para pendidik bahasa dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa secara keseluruhan. Tegasnya, kemahiran menulis ialah satu kemahiran bahasa yang sukar diajarkan berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Hal ini diakui oleh Heaton (1988), dan Byrne (1982) yang menegaskan bahawa kemahiran ini bukan sahaja kompleks, malahan kadang kala sukar untuk diikuti oleh pelajar. Mereka seterusnya menjelaskan bahawa kesukaran tersebut berkait rapat dengan komponen serta ciri-ciri hasil penulisan (karangan) yang baik yang sepatutnya ada pada sesebuah karangan, iaitu:

1. Penggunaan bahasa yang cekap;
2. Kemahiran mekanikal;
3. Pengolahan isi;

4. Unsur stilistika; dan
5. Kemahiran memilih dan menentu.

Berdasarkan komponen-komponen di atas, adalah jelas bahawa kemahiran menulis ini tidak hanya melibatkan penguasaan aspek teknikal seperti penggunaan bahasa dan kemahiran mekanikal, tetapi kemahiran ini juga melibatkan pengemblengan aspek psikologi dan kognitif untuk mendapatkan olahan isi yang baik, penyusunan idea yang jelas, dan penggunaan unsur-unsur stilistika yang boleh memantapkan lagi sesebuah karangan itu.

Ini bermakna, kesukaran dalam mengajarkan karangan ini berkait rapat dengan kaedah pengajaran yang dipilih. Dalam hal ini kaedah pengajaran yang boleh mengemblengkan aspek kognitif, psikologi dan mekanikal seharusnya diberi perhatian supaya para pelajar dapat menghasilkan sebuah karangan yang baik.

Perkara ini bertepatan dengan pandangan Flood dan Salus (1984), yang menegaskan bahawa kemahiran menulis atau mengarang tidak hanya selesai sekiranya seseorang itu boleh menguasai aspek mekanis semata-mata. Sebaliknya apa yang lebih penting ialah kemahiran memproses maklumat, idea, dan fikiran dengan cara yang sesuai, berdasarkan keterangan-keterangan yang diperolehi. Ini bermakna,

seseorang penulis itu perlu mempunyai kemampuan mental yang aktif dan selektif dalam proses menghasilkan sesebuah karangan supaya mereka boleh mengubah dan mengadun satu rentetan idea yang menarik dan berkesan.

Hal ini juga diakui oleh Awang Sariyan (1991) yang berpendapat bahawa proses pengolahan, gagasan (construct), dan pemikiran dalam penghasilan sesebuah karangan adalah lebih penting berbanding dengan proses mekanis. Raimes (1983) bersetuju dengan pendapat ini kerana menurut beliau penulisan ialah aktiviti yang dijalankan secara bersendirian; tidak seperti aktiviti lisan, apabila penutur boleh melihat reaksi pendengar untuk membolehkan penutur mengubah suai atau memperjelas sesuatu perkara yang dituturkan.

Sehubungan dengan itu, kaedah pengajaran yang boleh merangsang aspek kognitif dan psikologi ini perlu dicari dan dimantapkan. Tegasnya, pengajaran menulis karangan yang hanya menekankan aspek produk sahaja ternyata tidak dapat menggerakkan minda pelajar ke arah penghasilan idea yang berkesan. Kajian Glatthorn (1981) dan Golub (1983) mengesahkan bahawa penekanan guru terhadap hasil karangan yang tidak mempunyai kesalahan bahasa semata-mata ternyata telah mengurangkan kemampuan mereka untuk memilih dan mengadun isi-isi yang baik dalam karangan mereka.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah bermakna aspek tatabahasa boleh diabaikan dalam penghasilan sesebuah karangan, tetapi pemberatan yang sama seharusnya diberikan kepada aspek psikologi dan kognitif yang membolehkan para pelajar menghasilkan idea yang baik. Hal ini diakui oleh Abdul Aziz Talib (1989) yang menegaskan bahawa aspek tatabahasa, khususnya kemahiran sintaksis sangat penting dalam ekspresi penulisan dan penyampaian idea. Tegasnya penggunaan bahan yang boleh menggerakkan minda menjana idea-idea untuk ditulis seharusnya disertai oleh kemahiran tatabahasa bagi membolehkan terhasilnya sebuah karangan yang baik. Ini bermakna, kaedah pengajaran yang menekankan cara mendapatkan isi (idea), dan menyusun isi (idea) itu sendiri, perlu diberikan perhatian sewajarnya di samping penekanan aspek tatabahasa.

Sehubungan dengan itu juga Marohaini Yusoff (1989) berpendapat, pengajaran kemahiran menulis memerlukan corak baru; iaitu corak yang dapat memberi lebih penekanan kepada pengajaran berfikir untuk mengubah, atau menyusun perkataan, frasa, ayat, dan seterusnya perenggan. Walau bagaimanapun, dalam pengajaran karangan secara tradisional, isi-isi akan diberikan oleh guru, atau isi-isi tersebut dibincangkan oleh guru dengan murid secara umum, kemudian akan diikuti dengan penulisan karangan secara individu. Kaedah ini ternyata tidak mendorong kepada kegiatan berfikir secara kritis dan kreatif di kalangan